

# FESTKON-12 UniMAP

MENJANA MINDA BERINOVASI LEBIH MERIAH

PAUH PUTRA, 25 Oktober – Memilih tema Menjana Minda Berinovasi sempena dengan 15 tahun penubuhan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Festival Konvokesyen (Festkon) ke-12 UniMAP kali ini nyata menyajikan kelainan dan kemeriahian berbanding sebelumnya ini.

Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal berkata pelbagai program yang menggunakan kemahiran berkomunikasi, keusahawanan dan daya kreatif membolehkan mahasiswa yang terlibat mempelajari dan mempraktikkan segala ilmu yang diperoleh terutama dalam aspek pengurusan organisasi. "Inovasi merupakan idea, amalan atau objek yang dianggap baharu dan lebih baik dari yang sedia ada. Ia dihasilkan oleh manusia kreatif bagi membina trend baharu dengan menggunakan peluang maksimum walaupun dalam ekosistem yang mempunyai banyak kekangan dan persaingan.

"Sehubungan itu katanya, menjana minda berinovasi adalah garapan buah fikiran yang perlu diterapkan dalam pelbagai dimensi bagi melahirkan mahasiswa yang lebih kompeten dan karismatik agar dapat mencapai kecemerlangan," katanya ketika berucap pada Perasmian Festkon 12 UniMAP baru-baru ini.

Pelancaran penuh gilang-gemilang Festkon12 telah disempurnakan oleh Canselor UniMAP, Raja Muda Perlis, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail di Pusat Festkon12, Dataran Pusat Kejuruteraan pada 26 Oktober.



Berangkat sama, Raja Puan Muda Perlis, DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro Canselor UniMAP. Festkon 12 berlangsung selama enam hari bermula 25 hingga 30 Oktober dihadiri lebih 20,000 pengunjung. Pelbagai aktiviti menarik turut menanti pengunjung antaranya sukan rakyat, sukan 'explore' berunsurkan kesedaran penggunaan yang ditaja Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), ikrar derma organ, pertandingan azan dan banyak lagi.

Bersempena itu juga turut dilancarkan program Jom Wakaf al-Quran yang disempurnakan oleh Tuanku Syed Faizuddin. Al-Quran yang diwakafkan diagihkan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Syed Alwi, SMK Mata Ayer, SMK Beseri, SMK Agama Perempuan Kangar, SMK Datuk Ali Ahmad, Sekolah Kebangsaan (SK) Oran, SK Utan Aji, SK Sungai Berembang, SK Putra dan Sekolah Rendah (SR) Islam 1. Turut diadakan penyampaian 20 'water dispenser' kepada enam kolej kediaman UniMAP. Kehadiran penyanyi Aizat Amdan menyerikan lagi malam perasmian FestKon12 ini apabila menghiburkan pengunjung dengan empat buah lagu popularnya. Sementara itu pada perasmian penutup diserikan dengan penampilan istimewa penyanyi Siti Sarah.